A

THANABALAN KRISHNAN

lwn.

PP

B

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
TENGKU BAHARUDIN SHAH HMR
HISHAMUDIN MOHD YUNUS HMR
ZAHARAH IBRAHIM HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: B-05-106-2007]

C

18 OKTOBER 2010

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan - Sabitan dan hukuman - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Faktor-faktor peringanan - Sama ada dipertimbangkan oleh hakim bicara - Kanun Keseksaan, s. 326*

D

Perayu telah dipertuduh di Mahkamah Tinggi dan dibicarakan bagi satu kesalahan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan. Pada penutup kes pendakwaan, hakim bicara telah memutuskan bahawa pendakwaan tidak berjaya membuktikan pertuduhan bagi kesalahan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan. Oleh yang demikian, suatu pertuduhan pindaan telah dirangka di mana perayu telah dipertuduh secara sukarela menyebabkan cedera parah kepada seorang lelaki dengan sebatang besi yang sekiranya digunakan sebagai alat serangan mungkin menyebabkan kematian dan dengan itu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 326 Kanun Keseksaan dibaca bersama s. 34 Kanun yang sama. Perayu telah mengaku salah dan disabitkan atas kesalahan yang dinyatakan dalam pertuduhan pindaan itu. Mahkamah Tinggi telah menjatuhkan hukuman pemenjaraan selama 15 tahun bermula dari tarikh tangkap dan satu sebatan ke atas perayu. Rayuan perayu di hadapan mahkamah ini ialah terhadap hukuman yang dijatuhkan ke atasnya. Alasan-alasan yang diberikan oleh perayu bagi rayuannya ialah bahawa semasa menjatuhkan hukuman hakim bicara telah tidak memberikan pertimbangan terhadap faktor-faktor peringanan yang memihak kepada perayu seperti (i) bahawa perayu adalah pesalah pertama; (ii) bahawa perayu telah mengaku bersalah sebaik sahaja pertuduhan pindaan dikemukakan dan (iii) bahawa kes di bawah s. 326 Kanun Keseksaan adalah kurang serius berbanding kes di bawah s. 304 Kanun Keseksaan.

E

F

G

H

I

Diputuskan (menolak rayuan perayu; mengekalkan hukuman yang dijatuhkan)
Oleh Zaharah Ibrahim HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Daripada nota prosiding, didapati bahawa perayu mempunyai rekod sabitan lampau di bawah s. 392 Kanun Keseksaan pada tahun 1997 dan telah dijatuhi hukuman pemenjaraan selama lapan bulan. Hakim bicara tidak silap apabila beliau tidak mengabaikan sabitan lampau perayu itu. Walaupun kesalahan lampau perayu itu bukan kesalahan yang serupa dengan kesalahan dalam s. 326 Kanun Keseksaan, namun perlu diambil kira bahawa s. 392 merupakan peruntukan bagi hukuman untuk kesalahan merompak (robbery). Daripada takrif dalam s. 390 Kanun Keseksaan jelas bahawa kesalahan merompak dilakukan jika pelaku kesalahan itu telah menyebabkan berlakunya kematian, kecederaan atau sekatan (restraint) atau menyebabkan mangsa takut bahawa kematian, kecederaan atau sekatan akan berlaku, sama ada semasa melakukan kecurian atau peras ugut. Terdapat unsur ancaman kepada keselamatan diri yang menjadikan kesalahan s. 392 itu tidak wajar diabaikan bagi maksud penjatuhan hukuman bagi kesalahan dalam kes ini. (perenggan 14 & 15)

(2) Pengakuan bersalah hanya dibuat selepas kes pendakwaan ditutup dan pertuduhan pindaan dikemukakan. Oleh itu tidak banyak penjimatan masa dan kos mahkamah yang telah terhasil. Kesalahan yang dilakukan adalah serius. Seorang manusia telah mati akibat kesalahan itu. Walaupun hakim tidak menyentuh pengakuan bersalah perayu dalam alasan penghakimannya, hakikat itu tidaklah memudaratkan perayu dan perayu memang tidak wajar mendapat pertimbangan peringanan hukuman semata-mata kerana pengakuan bersalahnya itu. (perenggan 18, 19, 20 & 21)

(3) Dilihat dari sudut hukuman maksimum yang boleh dijatuhkan semata-mata, tidaklah benar bahawa kesalahan di bawah s. 326 Kanun Keseksaan lebih ringan daripada kesalahan di bawah s. 304 Kanun itu. Hukuman bagi kesalahan di bawah s. 326 Kanun Keseksaan ialah pemenjaraan sehingga tempoh maksimum 20 tahun dan pesalah boleh juga dijatuhi hukuman

A denda atau sebagai tambahan kepada hukuman pemenjaraan itu. Perayu sudah pernah dijatuhi hukuman pemenjaraan selama lapan bulan pada tahun 1997, iaitu hanya kira-kira empat tahun sebelum masa kejadian. Adalah jelas bahawa hukuman yang dijatuhkan ke atas perayu adalah wajar. (perenggan 24)

B

English *Translation Of Headnotes*

The appellant was charged in the High Court and was tried for an offence under s. 302 Penal Code. At the end of the prosecution's case, the trial judge held that the prosecution did not succeed in C proving the charge for the offence under s. 302 Penal Code. Therefore, an amended charge was structured whereby the appellant was charged with voluntarily causing serious injuries to a man with a piece of metal that if used as a weapon could possibly cause death and with that he had committed an offence punishable under D s. 326 Penal Code read with s. 34 of the same. The appellant pleaded guilty and was convicted of the offence stated in the amended charge. The High Court sentenced the appellant to 15 years' imprisonment starting from the date he was arrested and one lash of the rotan. The appellant's appeal herein was against the E sentence imposed on him. The grounds given by the appellant for this appeal was that when sentencing the appellant the trial judge had not given proper consideration to the mitigating factors in favour of the appellant such as (i) that the appellant was a first time offender; (ii) that the appellant had pleaded guilty as soon as F the amended charge was produced and (iii) that a case under s. 326 Penal Code was less serious compared to a case under s. 304 Penal Code.

Held (dismissing appellant's appeal; affirming sentence G **imposed)**

Per Zaharah Ibrahim JCA delivering the judgment of the court:

(1) From the notes of proceedings, it was found that the appellant had a past conviction record under s. 392 Penal Code in 1997 H and was sentenced to eight months' imprisonment. The trial judge had not erred when he had not neglected the past conviction of the appellant. Although the appellant's past offence was not a similar offence to that of an offence under s. 326 Penal Code, it should be considered that s. 392 is a I provision for the punishment of robbery. From the definition of s. 390 Penal Code it is clear that the offence of robbery is

committed if the offender had caused death, injury or restraint or had caused a victim to fear that death, injury or restraint would be imposed on him, whether during the robbery or extortion. There was an element of threat to one's safety that has made it reasonable not to neglect the offence under s. 392 when imposing the sentence for the offence in this case.

(2) Admission of guilt had only been done after the prosecution's case had closed and the amended charge produced. Therefore there was no saving of time and costs of the court. The offence committed was serious. A human being had died due to the offence committed. Although the judge had not touched on the guilt admission of the appellant in his judgment, that fact did not prejudice the appellant and the appellant should not be given the consideration of mitigating factors based solely on his admission of guilt.

(3) As could be seen from the angle of maximum sentence imposed, it was wrong to say that an offence under s. 326 of the Penal Code was a lesser offence than one under s. 304 of the Penal Code. Punishment for an offence under s. 326 Penal Code is imprisonment of maximum 20 years or the offender could also be fined or as an additional punishment to the sentence of imprisonment. The appellant had been sentenced to imprisonment of eight months in 1997, about four years before this offence. It was clear that the sentence imposed on the appellant was reasonable.

Kes-kes yang dirujuk:
Bachik Abdul Rahman v. PP [2004] 2 CLJ 572 CA ***(dirujuk)***
Ganesan Nachiappan & Ors v. PP [2000] 3 CLJ 302 CA ***(dirujuk)***
Gui Hoi Cham & Ors v. PP [1969] 1 LNS 50 FC ***(dirujuk)***
Herlina Trisnawati v. PP [2007] 6 CLJ 844 CA ***(dirujuk)***
Mohd Abdullah Ang Swee Kang v. PP [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209 SC ***(dibezakan)***
PP v. Ravindran & Ors [1992] 1 LNS 47 HC ***(dirujuk)***
PP v. Sinniah Letchumanan & Ors [2008] 1 LNS 98 HC ***(dirujuk)***
Soosainathan v. PP [2001] 6 CLJ 44 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Penal Code, ss. 302, 304(a), (b), 326, 390, 392, 409

Bagi pihak perayu - Mohd Haijan Omar (S Prakash bersamanya); T/n Gobind Singh Deo & Co
Bagi pihak responden - Andi Razalijaya A Dadi TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

A

PENGHAKIMAN

Zaharah Ibrahim HMR:

Latar Belakang Kes

B **[1]** Perayu telah dipertuduh di Mahkamah Tinggi di Shah Alam dan dibicarakan bersama seorang lagi (iaitu Gunasingam a/l Sivalingam, yang merupakan tertuduh dalam kes No. 45-24-2002) bagi suatu kesalahan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan. Pada penutup kes pendakwaan, Hakim bicara yang bijaksana telah C memutuskan bahawa pendakwaan tidak berjaya membuktikan pertuduhan bagi kesalahan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan itu pada tahap *prima facie*.

[2] Walau bagaimanapun, hakim bicara yang bijaksana telah D berpuas hati bahawa keterangan *prima facie* bagi suatu kesalahan di bawah s. 326 Kanun Keseksaan telah dibuktikan. Oleh yang demikian, suatu pertuduhan pindaan telah dirangka. Pertuduhan pindaan itu adalah seperti yang berikut:

> E Bahawa kamu bersama-sama di antara 20 September 2001 jam lebih kurang 10.00 malam hingga 21 September 2001 jam lebih kurang 1.30 pagi di Kuarters JKR, Jalan Batu Tiga Lama, Klang, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, secara sukarela menyebabkan cedera parah kepada seorang lelaki bernama Ponnandy Muniasamy dengan satu alat, iaitu sebatang besi, yang F sekiranya digunakan sebagai alat serangan mungkin menyebabkan kematian dan dengan itu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 326 Kanun Keseksaan dibaca bersama s. 34, Kanun yang sama.

[3] Pertuduhan pindaan telah dibacakan dan diterangkan kepada G kedua-dua tertuduh. Mereka telah mengaku bersalah. Pengakuan bersalah mereka telah diterima oleh mahkamah setelah mahkamah berpuas hati bahawa mereka faham sifat dan akibat pengakuan bersalah mereka itu.

H **[4]** Kedua-dua tertuduh telah disabitkan atas kesalahan yang dinyatakan dalam pertuduhan pindaan itu.

[5] Setelah mengambil kira fakta kes, khususnya peranan masing-masing tertuduh dalam kejadian yang disebut dalam pertuduhan I pindaan itu, dan rayuan peringanan hukuman oleh kedua-dua

tertuduh serta jawapan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Mahkamah Tinggi telah menjatuhkan hukuman pemenjaraan selama 10 tahun bermula dari tarikh tangkap ke atas Gunasingam, dan hukuman pemenjaraan selama 15 tahun bermula dari tarikh tangkap (iaitu 23 Ogos 2005) dan satu sebatan ke atas perayu.

Rayuan

[6] Rayuan perayu di hadapan mahkamah ini ialah terhadap hukuman yang dijatuhkan ke atasnya.

Alasan Rayuan

[7] Alasan yang diberikan oleh perayu bagi rayuannya ialah bahawa semasa menjatuhkan hukuman hakim bicara yang bijaksana telah tidak memberikan pertimbangan terhadap faktor-faktor peringanan yang memihak pada perayu.

[8] Faktor peringanan yang dikatakan tidak diberi perhatian ialah-

(a) hakikat bahawa perayu adalah pesalah pertama;

(b) hakikat bahawa perayu telah mengaku bersalah sebaik sahaja pertuduhan pindaan dikemukakan; dan

(c) hakikat bahawa kes di bawah s. 326 Kanun Keseksaan adalah kurang serius berbanding kes di bawah s. 304 Kanun Keseksaan.

[9] Tentang pengakuan bersalah oleh perayu, peguam bela berhujah bagi pihak perayu bahawa perayu patut diberi "diskaun" antara satu pertiga hingga satu perdua daripada hukuman, bersandarkan autoriti dalam kes:

Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v. PP [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209
[Keputusan Mahkamah Agung]

PP v. Ravindran & Ors [1992] 1 LNS 47
[Keputusan Mahkamah Tinggi]

Soosainathan v. PP [2001] 6 CLJ 44.
[Keputusan Mahkamah Tinggi]

[10] Tentang hujah bahawa kes di bawah s. 326 Kanun Keseksaan adalah lebih ringan daripada kes di bawah s. 304 Kanun itu, peguam bela bagi pihak perayu telah merujuk kepada kes-kes yang berikut bagi menyokong hujah itu:

PP v. Sinniah Letchumanan & Ors [2008] 1 LNS 98 [Hukuman pemenjaraan 9 tahun]

Ganesan Nachiappan & Ors v. PP [2000] 3 CLJ 302 [Hukuman pemenjaraan 14 tahun]

Gui Hoi Cham & Ors v. PP [1969] 1 LNS 50 [Hukuman pemenjaraan 3 tahun]

Pertimbangan Dan Keputusan

[11] Mahkamah ini telah meneliti keputusan hakim bicara yang bijaksana dan berpuas hati bahawa beliau telah mengambil kira semua fakta kes sebagaimana yang telah diberikan dalam keterangan sehingga penutup kes pendakwaan. Beliau juga telah mengambil kira apa yang dinyatakan oleh perayu dalam rayuan peringanan hukumannya tentang fakta kes itu.

Pesalah Pertama

[12] Jelas daripada nota prosiding bahawa perayu mempunyai rekod sabitan lampau di bawah s. 392 Kanun Keseksaan pada tahun 1997 dan telah dijatuhi hukuman pemenjaraan selama lapan bulan.

[13] Kami berpuas hati bahawa hakim bicara yang bijaksana tidak silap apabila beliau tidak mengabaikan sabitan lampau perayu itu. Walaupun kesalahan lampau perayu itu bukan kesalahan yang serupa dengan kesalahan dalam s. 326 Kanun Keseksaan, namun perlu diambil kira bahawa s. 392 merupakan peruntukan bagi hukuman untuk kesalahan merompak (robbery).

[14] Daripada takrif dalam s. 390 Kanun Keseksaan jelas bahawa kesalahan merompak dilakukan jika pelaku kesalahan itu telah menyebabkan berlakunya kematian, kecederaan atau sekatan (restraint) atau menyebabkan mangsa takut bahawa kematian, kecederaan atau sekatan akan berlaku, sama ada semasa melakukan curi atau peras ugut.

[15] Dengan kata lain, terdapat unsur ancaman kepada keselamatan diri yang menjadikan kesalahan s. 392 itu tidak wajar diabaikan bagi maksud penjatuhan hukuman bagi kesalahan dalam kes ini.

Pengakuan Bersalah

[16] Keterangan pada peringkat pendakwaan telah diteliti dan dinilai secara maksimum oleh hakim bicara yang bijaksana, khususnya keterangan yang diberikan oleh SP5, iaitu saksi yang melihat sendiri perayu memukul mangsa dengan batang besi.

[17] Dalam kes *Bachik Abdul Rahman v. PP* [2004] 2 CLJ 572, YA Augustine Paul, HMR (ketika itu), yang menyampaikan keputusan mahkamah ini, setelah merujuk kepada beberapa kes, telah menjelaskan bahawa walaupun lazim diterima bahawa seseorang tertuduh yang mengaku bersalah patut diberi pengurangan hukuman sehingga kira-kira sepertiga daripada hukuman yang akan dijatuhkan jika tidak kerana pengakuan bersalah itu, namun itu bukanlah suatu kaedah yang ketat. Mahkamah boleh, dalam menjalankan kuasa budi bicaranya, enggan untuk memberikan diskaun itu dalam hal keadaan yang sesuai, bergantung kepada fakta dan keadaan setiap kes. Kata beliau, hal keadaan yang tidak mewajarkan pengakuan bersalah diberi pertimbangan dalam menjatuhkan hukuman berbeza-beza. Antaranya:

- apabila kesalahan yang dilakukan sangat serius
- apabila kepentingan awam menuntut hukuman pencegahan
- apabila tertuduh langsung tiada pembelaan terhadap pertuduhan
- apabila pengakuan bersalah dibuat terlalu lewat semasa perbicaraan
- apabila tiada faktor peringanan yang memihak kepada tertuduh, seperti kewujudan sabitan terdahulu.

[18] Dalam kes ini, pengakuan bersalah hanya dibuat selepas kes pendakwaan ditutup dan pertuduhan pindaan dikemukakan. Oleh itu tidak banyak penjimatan masa dan kos mahkamah yang telah terhasil. Ini berbeza dengan kes *Mohamed Abdullah Ang* yang mengaku bersalah sebelum perbicaraan bermula.

[19] Kesalahan yang dilakukan adalah serius. Seorang manusia telah mati akibat kesalahan itu. Ini juga berbeza dengan kes *Mohamed Abdullah Ang* yang melibatkan kes pecah amanah di bawah s. 409 Kanun Keseksaan.

[20] Seperti yang dinyatakan di atas, perayu juga mempunyai satu sabitan terdahulu dan telah dijatuhi hukuman pemenjaraan selama lapan tahun pada tahun 1997, iaitu kira-kira empat tahun sebelum kejadian dalam kes ini.

[21] Oleh yang demikian, kami berpuas hati bahawa walaupun hakim yang bijaksana tidak menyentuh pengakuan bersalah perayu dalam alasan penghakimannya, hakikat itu tidaklah memudaratkan perayu dan perayu memang tidak wajar mendapat pertimbangan peringanan hukuman semata-mata kerana pengakuan bersalahnya itu.

Kesalahan Di Bawah s. 326 Kurang Serius Berbanding Kesalahan Di Bawah s. 304?

[22] Seseorang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah s. 326 Kanun Keseksaan boleh dijatuhi hukuman pemenjaraan sehingga 20 tahun, dan boleh juga dikenakan hukuman denda atau sebatan sebagai tambahan bagi hukuman pemenjaraan itu.

[23] Seksyen 304 pula mempunyai dua "cabang". Di bawah perenggan 304(a), sebelum pindaannya yang berkuat kuasa pada 6 Mac 2007, hukuman maksimum yang boleh dijatuhkan ialah pemenjaraan selama 20 tahun. Di bawah perenggan 304(b) pula, hukuman maksimum yang boleh dijatuhkan ialah pemenjaraan selama sepuluh tahun.

[24] Dilihat dari sudut hukuman maksimum yang boleh dijatuhkan semata-mata, tidaklah benar bahawa kesalahan di bawah s. 326 Kanun Keseksaan lebih ringan daripada kesalahan di bawah s. 304 Kanun itu.

[25] Dalam kes *PP v. Sinniah Letchumanan & Ors* yang dirujuk oleh peguam bela perayu dalam hujahnya, pertuduhan asal di bawah s. 302 Kanun Keseksaan telah dipinda kepada pertuduhan di bawah perenggan 304(b) Kanun itu. Maka hukuman pemenjaraan sembilan tahun yang dijatuhkan merupakan 90% daripada hukuman maksimum pemenjaraan sepuluh tahun yang boleh dijatuhkan.

[26] Dalam kes *Ganesan Nachiappan & Ors v. PP* pula, penghakiman mahkamah menunjukkan bahawa pertuduhan dipinda pada pertengahan kes pendakwaan daripada pertuduhan di bawah s. 302 kepada s. 304(a) Kanun Keseksaan. Hukuman yang dijatuhkan, iaitu pemenjaraan selama 14 tahun, tidaklah banyak bezanya dengan hukuman dalam kes di hadapan mahkamah ini.

[27] Bagi kes *Gui Hoi Cham & Ors v. PP* pula, walaupun hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Persekutuan di bawah s. 326 Kanun Keseksaan ialah pemenjaraan selama tiga tahun sebagai ganti hukuman selama lapan tahun, namun fakta kes itu perlulah diambil

kira. Mahkamah Persekutuan dalam kes itu mendapati bahawa kematian mangsa berlaku dalam suatu pergaduhan antara dua kumpulan yang seimbang dari segi "kekuatan"-nya.

[28] Sebagai perbandingan, wajar diperhatikan bahawa dalam kes *Herlina Trisnawati v. PP* [2007] 6 CLJ 844, yang melibatkan kejadian yang berlaku pada 14 Ogos 2001, iaitu hanya kira-kira lima minggu sebelum kejadian dalam kes ini, dan berlaku di Negeri Selangor juga, mahkamah ini telah mengubah sabitan terhadap tertuduh daripada sabitan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan, kepada sabitan di bawah s. 304(a) Kanun itu, dan menjatuhkan hukuman pemenjaraan 18 tahun terhadap tertuduh. Dalam kes itu, mangsa telah dipukul oleh tertuduh, yang merupakan pembantu rumahnya, dengan anak lesung (pestle) kerana tertuduh hendak melarikan diri setelah tidak tahan didera oleh mangsa. Kemudian pergaduhan antara mereka berlaku dengan kedua-duanya bersenjatakan pisau dan mencederakan satu sama lain.

[29] Apabila dibandingkan fakta dan hukuman dalam kes *Herlina* itu dengan fakta dalam kes ini, dan mengambil kira:

- bahawa hukuman bagi kesalahan di bawah s. 326 Kanun Keseksaan ialah pemenjaraan sehingga tempoh maksimum 20 tahun dan pesalah boleh juga dijatuhi hukuman denda atau sebagai sebagai tambahan kepada hukuman pemenjaraan itu; dan

- bahawa perayu sudah pernah dijatuhi hukuman pemenjaraan selama lapan bulan pada tahun 1997, iaitu hanya kira-kira empat tahun sebelum masa kejadian,

maka akan jelas bahawa hukuman yang dijatuhkan ke atas perayu adalah wajar.

Keputusan

[30] Oleh sebab itu, rayuan perayu telah ditolak dan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi dikekalkan.